



SIARAN AKHBAR

**HARI KEDUA BAGI ‘FINANCIAL FUN FAIR’ KALI KE-4  
SEMPENA HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2019  
JERUDONG PARK COLONNADE**

**HARI AHAD, 17 ZULHIJJAH 1440 BERSAMAAN DENGAN 18 OGOS 2019**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Tabung Amanah Perkerja (TAP), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), *Junior Achievement (JA)* Brunei, serta beberapa institusi-institusi kewangan telah menganjurkan hari kedua bagi ‘*Financial Fun Fair*’ Kali Ke-4 di Jerudong Park Colonnade pada hari Ahad, 17 Zulhijjah 1440, bersamaan dengan 18 Ogos 2019.
2. Bertemakan ‘*Fusion of Green and Technology*’, *Financial Fun Fair* tahun ini bertujuan untuk meluaskan kesedaran orang ramai mengenai alam sekitar serta mengajar mengenai penggunaan teknologi dalam keputusan-keputusan kewangan sehari-hari sebagai salah satu cara untuk menjayakan inisiatif ini.
3. Antara acara kemuncak yang diadakan pada hari kedua ini adalah ‘*Financial Race*’ iaitu perlumbaan di antara pasukan-pasukan, yang terdiri oleh dua peserta, di sekitar kawasan *Jerudong Park Playground*. Untuk memenangi perlumbaan ini, para peserta perlu menyelesaikan cabaran-cabaran yang tersedia. Penyampaian hadiah bagi *Financial Race*, serta aktiviti-aktiviti lain sempena Hari Menabung Kebangsaan 2019 termasuk *QR Code Competition* dan *Financial Bootcamp* juga telah diadakan pada hari kedua ‘*Financial Fun Fair*’ ini.
4. Pertandingan *Financial Race* telah berjaya dimenangi oleh Pasukan Chill2 yang terdiri oleh Ming Rui Chong dan Sin Yi Lim. *QR Code Competition* pula telah dimenangi oleh Nafri Manaf, di mana rekabentuk kod QR beliau telah digunakan untuk mengakses soalan-soalan *Financial Race*. Manakala, pemenang bagi *Financial Bootcamp* ialah Pasukan GGC yang terdiri oleh Muhammad Syazwan bin Sarifudin, Ahmad Hamizan bin Hj Shahri dan Awang Muhammad Afiq Rafieuddin bin Hj Burhanuddin.
5. *Financial Bootcamp* yang merupakan sebuah program selama 3 hari ini bertujuan untuk membantu para peserta daripada universiti-universiti serta institusi-institusi pengajian tinggi tempatan untuk membangun idea mereka bagi inovasi produk-produk kewangan.
6. Turut menyerikan acara ini juga adalah persempahan-persempahan khas daripada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

7. AMBD ingin menyampaikan penghargaan kepada kesemua pihak yang berkepentingan, para peserta pertandingan-pertandingan sempena Hari Menabung Kebangsaan 2019, termasuk orang ramai, atas sama-sama memeriahkan Hari Menabung Kebangsaan 2019 serta acara-acara di bawahnya.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Date: 17 Zulhijjah 1440 18 August 2019

Ref: AMBD/COMMS/3